

02/08/2000

Sauk: Pas perlu henti hasut rakyat

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, hari ini memberi amaran kepada pemimpin Pas serta parti pembangkang lain supaya berhenti membuat kenyataan berbentuk hasutan dan mempertikai kewibawaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berhubung insiden Sauk.

Najib berkata, kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang memutarbelitkan fakta berhubung kejadian itu.

Malah, katanya kenyataan Pesuruhjaya Pas Perlis, Hashim Jasin, kononnya insiden itu adalah perang saraf Kerajaan Pusat, bukan saja menjejaskan kewibawaan ATM tetapi juga mencetus perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat dan anggota tentera.

"Kenyataan itu adalah satu tuduhan berat dan beliau (Hashim) mesti bertanggungjawab di atas kenyataan itu," katanya tanpa menyatakan bentuk tindakan yang akan diambil.

Bagaimanapun, Najib berkata Kementerian Pertahanan akan menyiasat semua tuduhan yang dibuat Hashim sebelum mengambil tindakan selanjutnya.

Dalam laporan akhbar semalam, ketika membahaskan usul mengecam perbuatan Kumpulan Al-Ma'unah pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis, wakil rakyat Pas dari Sanglang itu mendakwa insiden di Grik dan Sauk adalah perang saraf Kerajaan Pusat.

Hashim yang juga mendakwa pernah mengikuti kursus perang saraf di Ipoh, Perak pada 1985, berkata beliau mendapati beberapa perkara yang berlaku di Grik dan Sauk itu seperti sandiwara.

Menurutnya, dalam kursus itu beliau diberitahu bahawa anggota tentera pernah menyamar sebagai penganas komunis dan menembak seorang Tok Batin di sebuah perkampungan Orang Asli di Perak ketika negara diancam komunis.

"Dalam perang saraf sesuatu yang tidak terfikir oleh orang ramai sebenarnya boleh berlaku," katanya seperti yang dipetik sebuah akhbar hari ini.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, menyifatkan dakwaan Hashim itu sebagai melampau dan tidak sepatutnya dilakukan terhadap pasukan keselamatan negara.

"Ini undi tidak percaya kepada tentera," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Muhammad berkata, Pas ternyata amat tertekan sehingga sanggup menggunakan insiden itu sebagai helah politik untuk memesonkan pemikiran rakyat supaya membenci kerajaan.

"Saya percaya apa yang didakwa pemimpin Pas adalah satu helah politik untuk memesonkan kebenaran," katanya sambil menambah, Pas sebelum ini menggunakan agama untuk tujuan sama.

Sehubungan itu, katanya, Umno akan terus memberi penjelasan kepada rakyat bahawa insiden di Grik dan Sauk itu adalah perbuatan ganas yang mengancam keselamatan negara.

Mengenai tiga tuntutan parti pembangkang berhubung perkara itu, Muhammad berkata, mereka tidak berhak menuntut apa-apa kerana kerajaan sudah melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan negara dengan baik.

Sebaliknya, katanya, tuntutan pemimpin pembangkang itu membuktikan mereka bertanggungjawab menghasut rakyat supaya mempercayai kononnya insiden di Sauk itu sebagai sandiwara.

Semalam, Presiden Pas, Datuk Fadzil Mohd Noor, mengemukakan tiga tuntutan bersama parti pembangkang kepada kerajaan bagi menyelesaikan kontroversi dan tanggapan negatif rakyat berhubung insiden Sauk.

Tuntutan pertama ialah supaya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Diraja atau Suruhanjaya Bebas bagi menyiasat kejadian itu.

Kedua, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan pemimpin Barisan Nasional (BN) perlu mengadakan pertemuan dengan pemimpin parti pembangkang berhubung perkara itu.

Tuntutan ketiga, kerajaan perlu memberikan penjelasan atau taklimat berhubung isu itu kepada semua pemimpin pembangkang di Parlimen.

(END)